



PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI

JABATAN BIOKESELAMATAN

2021-2025

Hak Cipta Terpelihara
JABATAN BIOKESELAMATAN 2021

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian daripada kandungan buku ini
dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sama ada secara elektronik, fotokopi,
mekanikal, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua
Pengarah, Jabatan Biokeselamatan.

Diterbitkan Oleh
Unit Integriti
Jabatan Biokeselamatan,
Kementerian Alam Sekitar Dan Air.

Aras 4, Blok F11, Kompleks F,
Lebuh Perdana Timur, Presint 1,
62000 PUTRAJAYA
Tel: (603) - 80917 318
Faks: (603) - 80917 371
Laman web: <http://www.biosafety.gov.my>





Dr. Azalia binti Mohamed
Ketua Pengarah
Jabatan Biokeselamatan

PERUTUSAN KETUA PENGARAH JBK

Alhamdulillah saya memanjatkan kesyukuran kepada Allah s.w.t. kerana dengan keizinan dan limpah kurniaNya Jabatan Biokeselamatan (JBK) telah membangunkan dan menerbitkan Pelan Anti Rasuah Jabatan (OACP) 2021-2025 yang merupakan satu dokumen dasar anti rasuah dalam menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah di peringkat jabatan. Ianya mendukung Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 - 2023 yang telah dilancarkan pada 29 Januari 2019. Warga JBK menyahut seruan kerajaan dan akan memerangi rasuah dan salah laku integriti. OACP JBK ini akan menjadi rujukan strategik dan komprehensif kepada warga JBK dalam pelaksanaan usaha ini. Saya percaya ianya dapat diterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan inisiatif-inisiatif dalam pelan OACP secara yang menyeluruh dan memberi impak positif dalam penyampaian perkhidmatan JBK. Saya berharap agar setiap warga JBK menghayati dan memelihara imej perkhidmatan awam yang menekankan prinsip ketelusan, akauntabiliti dan tadbir urus yang berintegriti. Melalui usaha bersama, amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa akan daat dibanteras sekali gus meningkatkan imej JBK sebagai sebuah organisasi yang bersih dan berintegriti.

AJBK merupakan agensi yang mengawal setia aktiviti berkaitan organisma diubahsuai secara genetik daripada mendatangkan impak buruk kepada kesihatan manusia, tumbuh-tumbuhan dan haiwan, alam sekitar dan kepelbagaiannya biologi. Berdasarkan tanggungjawab JBK, sudah tentu kerosakan yang besar akan berlaku sekiranya berlaku salah laku integriti dan rasuah.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan bantuan dan kerjasama dalam penerbitan OACP JBK. Besar harapan saya agar JBK pada hari ini dan di masa akan datang kekal sebagai sebuah organisasi bebas rasuah dan berintegriti.

KANDUNGAN

PENGENALAN

Latar belakang Jabatan Biokeselamatan	09
Misi dan Visi	10
Objektif Penubuhan	11
Fungsi JBK	12-13
Kod Etika JBK	14
Dasar Integriti dan Antirasuah JBK	15-17

PELAN ANTIRASUAH

Pelan Antirasuah JBK (BACP 2021-2025)	20
Kerangka Utama BACP	20
Analisis Kuadran	21
Jangka Masa Pelaksanaan	23
Bidang Keutamaan	24-39

TADBIR URUS BACP


Struktur Tadbir Urus BACP	41-44
Mekanism Penyelaras, Pemantauan dan Penilaian	45-48

KESIMPULAN

Kesimpulan	49
------------	----

BAB 1

PENGENALAN



LATAR BELAKANG JABATAN BIOKESELAMATAN

Isu Biokeselamatan telah mendapat perhatian masyarakat dunia dengan perkembangan dan kemajuan dalam teknologi kejuruteraan genetik. Bidang teknologi kejuruteraan genetik atau dikenali sebagai bioteknologi moden membolehkan gen dari satu organisme dipindahkan ke organisme yang lain. Organisma yang menerima gen asing ini dikenali sebagai organisma hidup yang diubah suai (Living Modified Organism-LMO).

Walaupun diiktiraf bahawa bidang bioteknologi moden ini mempunyai beberapa kegunaan, tetapi ia juga mewujudkan kebimbangan kerana adanya gen asing dalam sesuatu organisme yang tiada pertalian taksonomi. Oleh itu, untuk mengurangkan impak LMO kepada kesihatan manusia ,tumbuh-tumbuhan dan haiwan, alam sekitar serta biodiversiti biokeselamatan dijadikan satu teras yang penting dalam membangunkan bioteknologi moden secara selamat.

Satu Pasukan Teras Biokeselamatan telah ditubuhkan pada tahun 2008 setelah Akta Biokeselamatan 2007 diluluskan oleh Parlimen. Pada 24 Mei 2010, Pasukan Teras Biokeselamatan telah dinaiktaraf kepada Jabatan Biokeselamatan atau ringkasnya JBK dengan 25 perjawatan awal. Pada tahun 2018, hala tuju JBK yang merangkumi visi, misi, objektif dan fungsi JBK telah dikemaskini selaras dengan keperluan semasa.

VISI JBK

 Peneraju dalam pengawalseliaan bioteknologi moden dan biokeselamatan demi kesejahteraan negara.

MISI JBK

 Memberikan perkhidmatan secara profesional dan berintegriti dalam memastikan penggunaan bioteknologi moden secara lestari dan selamat bagi melindungi kesihatan rakyat dan ekosistem negara.

OBJEKTIF PENUBUHAN

Empat objektif utama penubuhan Jabatan Biokeselamatan adalah:

- 1** Melaksanakan obligasi negara di bawah Cartagena Protocol on Biosafety to the Convention on Biological Diversity;
- 2** Memastikan pelaksanaan pendekatan penilaian risiko yang ketat kepada organisma hidup yang diubah suai secara genetik (LMO) dan hasilan LMO yang akan mendatangkan atau berpotensi mendatangkan kesan buruk kepada manusia dan ekosistem;
- 3** Memastikan kawal selia aktiviti melibatkan organisma hidup yang diubah suai secara genetik dan pelepasan hasilan organisma sedemikian agar tidak menjelaskan keselamatan dan kesejahteraan negara; dan
- 4** Meningkatkan kesedaran awam berhubung kepentingan biokeselamatan terhadap kesihatan manusia, tumbuh-tumbuhan, haiwan, alam sekitar dan kepelbagaian biologi.



FUNGSI JBK

Fungsi-fungsi utama Jabatan Biokeselamatan ialah:

- Melaksana dan menguatkuasakan Akta Biokeselamatan 2007;
- Menjadi pengurus tadbir kepada Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan (LBK);
- Menjadi pengurus tadbir kepada Jawatankuasa Penasihat Pengubahsuai Genetik (GMAC);
- Menjadi pengurus tadbir kepada jawatankuasa-jawatankuasa kecil yang ditubuhkan di bawah LBK dan GMAC;
- Menilai permohonan-permohonan pelepasan, pengimportan, pengeksportan dan kegunaan terkawal organisma hidup yang diubah suai, dan pelepasan hasilan organisma sedemikian;
- Memantau aktiviti yang berhubungan dengan organisma hidup yang diubah suai secara genetik dan hasilan organisma sedemikian;
- Menyediakan platform untuk konsultasi dengan pelbagai pihak dalam usaha menggubal dan mengemas kini dasar, undang-undang serta garis panduan berkaitan biokeselamatan;
- Menyelaras dan menyepadukan usaha-usaha yang diambil oleh agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan juga Negeri serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan pihak industri berkaitan isu biokeselamatan;
- Membina kerjasama strategik dengan agensi-agensi berkaitan di dalam dan di luar negara dalam bidang biokeselamatan;

- Menubuhkan mekanisme untuk memudahkan pengumpulan, penyimpanan dan penyebaran data yang berkaitan dengan biokeselamatan;
- Membantu Kerajaan memformulasikan pendirian negara tentang isu-isu biokeselamatan di forum-forum antarabangsa; dan
- Meningkatkan kesedaran awam terhadap biokeselamatan.



KOD ETIKA JBK

- 1** Membudayakan nilai-nilai murni dan profesionalisme dalam penyampaian perkhidmatan;
- 2** Memegang teguh prinsip akauntabiliti dan kedaulatan undang-undang;
- 3** Mengutamakan kepentingan pelanggan; dan
- 4** Meningkatkan ilmu dan kemahiran berterusan.

DASAR INTEGRITI DAN ANTIRASUAH JBK

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) merupakan dokumen antirasuah peringkat jabatan yang memperincikan pendekatan dan strategi bagi menangani isu berkaitan kelemahan tadbir urus, integriti dan risiko rasuah dalam JBK. Pembangunan OACP JBK adalah selaras dengan Strategi 2 Pelan Antirasuah Nasional iaitu Memperkuuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam. Inisiatif 2.1.5 pelan tersebut telah menetapkan komitmen agar sektor awam menyediakan pelan antirasuah organisasi.

Sebagai agensi utama dalam pengawalseliaan aktiviti melibatkan LMO, JBK mengamalkan Toleransi Sifar terhadap amalan rasuah atau apa-apa aktiviti berunsurkan rasuah dan salah guna kuasa dalam melaksanakan peranannya. JBK tidak akan bertolak ansur dan akan mengambil tindakan tegas bagi membanteras rasuah atau aktiviti berunsurkan rasuah serta salah guna kuasa bagi memastikan kawal selia yang adil, telus dan berkesan.

JBK komited untuk:

- Mewujudkan budaya berintegriti dan mempraktikkan tadbir urus terbaik dalam urusan kawal selia
- Memastikan kepatuhan undang-undang serta peraturan, pekeliling, dasar dan Kod Etika sedia ada dalam memerangi rasuah
- Menggalakkan pelaporan mengenai aktiviti rasuah serta salah guna kuasa menerusi Polisi Pemberi Maklumat (Whistleblowing Policy) serta memberikan perlindungan kepada pemberi maklumat
- Mengambil tindakan ke atas mana-mana warga JBK yang tidak mematuhi dasar dan melanggar undang-undang antirasuah selaras dengan undang-undang yang berkuatkuasa
- Melaksana dan memantau Sistem Pengurusan Antirasuah JBK dan menambahbaik polisi dan prosedur antirasuah secara berterusan
- Menyokong lain-lain peranan dan pendekatan pengurusan ke arah mencegah pelakuan rasuah

Inisiatif Pengukuhan Integriti JBK

Dari awal penubuhan jabatan, urusan pengukuhan dan pelaporan integriti di Jabatan Biokeselamatan dilaksanakan oleh Unit Sumber Manusia dan dirujuk kepada Jawatankuasa Keutuhan Integriti & Tadbir Urus di peringkat Kementerian. Fungsi ini kemudiannya dikendalikan oleh sebuah unit khusus iaitu Unit Integriti JBK yang ditubuhkan secara rasmi pada tahun 2018.

Bagi memastikan usaha memerangi rasuah dan pengukuhan integriti dilaksanakan dengan berkesan, satu set inisiatif yang merangkumi pelbagai aspek sumber manusia telah dijalankan iaitu:



BAB 2

PELAN ANTIRASUAH

PELAN ANTIRASUAH JBK

(BACP 2021-2025)

Pelan Antirasuah JBK atau Biosafety Anti-Corruption Plan (BACP 2021-2025) merupakan perancangan strategik pencegahan rasuah untuk tempoh lima tahun. Ianya bertujuan untuk memandu JBK ke arah peningkatan ketelusan dengan menerapkan prinsip integriti, tadbir urus baik dan akauntabiliti dalam pelaksanaan proses kerja dan pertimbangan permohonan.

Berdasarkan kajian analisa aduan awam, aduan rasuah dan laporan tatatertib, empat bidang keutamaan telah dikenalpasti berisiko serta terdedah kepada perlakuan rasuah.

Sebanyak 50 inisiatif telah dikenalpasti dan dipertanggungjawabkan kepada bahagian-bahagian yang terlibat bagi meningkatkan integriti warga JBK.

KERANGKA UTAMA BACP

Visi

Ke Arah Mengekalkan JBK Bebas Rasuah

Misi

Memantapkan Akauntabiliti Dan Ketelusan JBK Sebagai Agensi Sifar Rasuah Dalam Pengawalseliaan Biokeselamatan

Matlamat

- 📌 Meningkatkan Kecekapan Melalui Penerapan Menerusi Amalan Tadbir Urus dan Budaya Kerja Yang Baik
- 📌 Mewujudkan Persekuturan Kerja Yang Bebas Rasuah Bagi Melahirkan Warga JBK Yang Berintegriti

Prinsip Pengurusan Antirasuah JBK

- 📌 Prinsip 1: Komitmen Pengurusan Tertinggi
- 📌 Prinsip 2: Penilaian risiko rasuah
- 📌 Prinsip 3: Pelaksanaan inisiatif dan pembudayaan integriti
- 📌 Prinsip 4: Pemantauan dan penilaian secara sistematik

ANALISIS KUADRAN BACP

Kuadran	Kategori
A	Impak tinggi, kompleksiti rendah
B	Impak tinggi, kompleksiti tinggi
C	Impak rendah, kompleksiti rendah
D	Impak rendah, kompleksiti tinggi

Sebanyak 47 inisiatif adalah dari kategori impak tinggi dan kompleksiti rendah, manakala 3 inisiatif adalah dari kategori impak tinggi dan kompleksiti tinggi.

Prinsip Pengurusan Antirasuah JBK

- 1 Tadbir urus dan Perundangan
- 2 Pengurusan Teknikal
- 3 Penguatkuasaan Undang-Undang
- 4 Pengurusan Korporat dan Pentadbiran

Strategi Utama Berdasarkan Bidang Keutamaan

Bil.	Bidang Keutamaan	Strategi Utama
1.	Tadbir urus dan Perundangan	Memupuk Amalan Tadbir Urus Baik dan Memperkuuhkan Perundangan
2.	Pengurusan Teknikal dan Operasi	Mempertingkatkan Kecekapan dan Ketelusan Dalam Pengoperasian
3.	Penguatkuasaan Undang-Undang	Memantapkan Keberkesanan Aktiviti Penguatkuasaan
4.	Pengurusan Korporat dan Pentadbiran	Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Dalam Proses Perolehan

JANGKA MASA PERLAKSANAAN

Bil	Bidang Keutamaan	Jangka Masa Pendek (1 tahun)	Jangka Masa Sederhana (2-3 tahun)	Jangka Masa Panjang (4-5 tahun)	Jumlah Inisiatif
1	Tadbir urus dan Perundangan	1	2	7	10
2	Pengurusan Teknikal dan Operasi	1	3	20	24
3	Penguatkuasaan Undang-Undang	1	2	5	8
4	Pengurusan Korporat dan Pentadbiran	0	0	8	8
Jumlah		3	7	40	50



BIDANG KEUTAMAAN: TADBIR URUS DAN PERUNDANGAN

Strategi 1: Memupuk Amalan Tadbir Urus Baik dan Memperkuuhkan Perundangan

Objektif Strategik 1.1:

Pemerkasaan Akta Biokeselamatan 2007 dan perundangan darinya bagi meningkatkan integriti, kredibiliti dan akauntabiliti.

No.	Inisiatif	Perlaksana	Tempoh Perlaksanaan	Kuadran
1	Menyemak dan meminda Akta Biokeselamatan 2007	Seksyen Korporat dan Pengurusan	5 tahun 2021-2025 (Berterusan)	B
2	Menyemak dan menambahbaik Peraturan-Peraturan Biokeselamatan yang berkuatkuasa.	Seksyen Korporat dan Pengurusan	5 tahun 2021-2025 (Berterusan)	B

Objektif Strategik 1.2:

Pemerkasaan tadbir urus biokeselamatan agar lebih efisien bagi meningkatkan ketelusan, akauntabiliti dan kebolehpercayaan pemegang taruh.

No.	Inisiatif	Perlaksana	Tempoh Perlaksanaan	Kuadran
3	Menyemak dan menambah baik terma rujukan Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan (LBK) dan jawatankuasa-jawatankuasa di bawahnya.	Seksyen Korporat dan Pengurusan	2 tahun 2021-2023	A
4	Menyemak dan mengemaskini semua garis panduan, tatacara dan prosedur operasi piawai (SOP) JBK yang berkaitan secara berterusan.	Seksyen Korporat dan Pengurusan	5 tahun 2021-2025 (Berterusan)	A
5	Memperkemas saluran pemberi maklumat (Whistle Blowing Channel) dengan mengadakan sistem pelaporan digital yang selamat, serta mekanisme yang teratur bagi pemantauan dan pengurusan maklumat.	Seksyen Korporat dan Pengurusan	2 tahun 2022-2023	A
6	Menyebarluas mesej berkenaan Saluran Pemberi Maklumat kepada seluruh warga jabatan dan pemegang taruh secara berterusan	Seksyen Korporat dan Pengurusan	5 tahun 2021-2025 (Berterusan)	A
7	Menyebarluas makluman berkenaan No Gift Policy kepada seluruh warga jabatan secara berterusan	Seksyen Korporat dan Pengurusan Unit Integriti	5 tahun 2021-2025 (Berterusan)	A

Objektif Strategik 1.3:

Meningkatkan integriti dalam menjalankan tanggungjawab bagi melindungi kepentingan jabatan.

No.	Inisiatif	Perlaksana	Tempoh Perlaksanaan	Kuadran
8	Mewujudkan Kod Etika JBK sebagai panduan kepada warga jabatan	Seksyen Korporat dan Pengurusan	1 tahun 2022	A
9	Mewujudkan suatu garis panduan bagi pengendalian dokumen rahsia, sulit dan terperingkat	Seksyen Korporat dan Pengurusan	1 tahun 2022	A
10	Melaksanakan program pendedahan berkenaan penggendarian dokumen rahsia, sulit atau terperingkat kepada seluruh warga jabatan secara berterusan	Seksyen Korporat dan Pengurusan	5 tahun 2021-2025 (Berterusan)	A



BIDANG KEUTAMAAN: PENGURUSAN TEKNIKAL

Strategi 2: Mempertingkatkan Kecekapan dan Ketelusan Dalam Pengoperasian.

Objektif Strategik 2.1: **Meningkatkan integriti dan mengurangkan risiko rasuah dalam kalangan warga jabatan.**

No.	Inisiatif	Perlaksana	Tempoh Perlaksanaan	Kuadran
11	Melaksana semakan latar belakang yang teliti ke atas pegawai-pegawai yang akan ditempatkan di sesuatu jawatan yang berisiko	Seksyen Korporat dan Pengurusan	5 tahun 2021-2025 (Berterusan)	A
12	Melaksanakan pusingan kerja khususnya bagi jawatan yang berisiko	Seksyen Korporat dan Pengurusan	1 tahun 2022	A
13	Melaksanakan program-program kesedaran dan kerohanian mengenai keburukan rasuah dan penerapan nilai-nilai integriti secara berterusan	Seksyen Korporat dan Pengurusan	5 tahun 2021-2025 (Berterusan)	A
14	Mengenakan tindakan punitif kepada warga jabatan yang terlibat berdasarkan kepada Perintah Am Bab D (Kelakuan dan Tatatertib)	Seksyen Korporat dan Pengurusan	5 tahun 2021-2025 (Berterusan)	A
15	Memastikan pelaksanaan pengisytiharan harta seperti mana Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2002	Seksyen Korporat dan Pengurusan	5 tahun 2021-2025 (Berterusan)	A

No.	Inisiatif	Perlaksana	Tempoh Perlaksanaan	Kuadran
16	Memastikan setiap warga telah menandatangani Surat Aku Janji dan perakuan Akta Rahsia Rasmi 1972	Seksyen Korporat dan Pengurusan	5 tahun 2021-2025 (Berterusan)	A
17	Melaksanakan Melaksanakan program Ikrar Bebas Rasuah bagi semua warga jabatan secara tahunan	Seksyen Korporat dan Pengurusan	5 tahun 2021-2025 (Berterusan)	A
18	Memantau pemotongan gaji dan keterhutangan kewangan serius dalam kalangan warga jabatan	Seksyen Korporat dan Pengurusan	5 tahun 2021-2025 (Berterusan)	A
19	Membuat hebahan dan peringatan secara berkala mengenai kepentingan integriti, no-gift policy dan nilai-nilai murni untuk dihayati dan diamalkan oleh seluruh warga jabatan	Unit Integriti	5 tahun 2021-2025 (Berterusan)	A
20	Mengadakan mekanisme kaunseling dan bimbingan (coaching)	Seksyen Korporat dan Pengurusan	5 tahun 2021-2025 (Berterusan)	A

Objektif Strategik 2.2: Meningkatkan kompetensi warga jabatan

No.	Inisiatif	Perlaksana	Tempoh Perlaksanaan	Kuadran
21	Melaksanakan kajian keperluan latihan berkaitan proses kerja dan tugas pegawai secara berterusan	Seksyen Korporat dan Pengurusan	5 tahun 2021-2025 (Berterusan)	A
22	Memastikan pegawai diberikan latihan sewajarnya untuk memantapkan kemahiran dan pengetahuan mengenai bidang tugas selaras dengan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam (PP Bil 6/2005)	Seksyen Korporat dan Pengurusan	5 tahun 2021-2025 (Berterusan)	A
23	Menyediakan akses kepada bahan-bahan rujukan untuk kegunaan warga jabatan	Seksyen Korporat dan Pengurusan	5 tahun 2021-2025 (Berterusan)	A
24	Mengadakan kerjasama strategik dengan agensi-agensi berkaitan bagi program latihan dan peningkatan kemahiran	Semua Seksyen	4 tahun 2022-2025 (Berterusan)	A

Objektif Strategik 2.3: **Meningkatkan ketelusan proses kerja dan integriti maklumat**

No.	Inisiatif	Perlaksana	Tempoh Perlaksanaan	Kuadran
25	Mewujudkan pelan komunikasi jabatan	Seksyen Korporat dan Pengurusan	2 tahun 2022-2023	A
26	Membangunkan sistem online bagi permohonan dan pemakluman keputusan untuk mengurangkan birokrasi dan memudahkan pemohon dan pemegang taruh membuat semakan	Seksyen Korporat dan Pengurusan Seksyen Penilaian dan Penyelidikan	2 tahun 2022-2023	A
27	Mengadakan sistem penjanaan nombor rujukan permohonan secara automatik dan memastikan pematuhan kepada giliran	Seksyen Korporat dan Pengurusan Seksyen Penilaian dan Penyelidikan	5 tahun 2021-2025 (Berterusan)	A
28	Membuat hebahan dan pemakluman di laman web dan platform media mengenai permohonan yang dalam pertimbangan dan yang telah diluluskan oleh LBK	Seksyen Penilaian dan Penyelidikan	5 tahun 2021-2025 (Berterusan)	A
29	Memastikan saluran khidmat pelanggan dan pertanyaan yang berkesan	Seksyen Korporat dan Pengurusan	5 tahun 2021-2025 (Berterusan)	A
30	Memastikan pematuhan had akses kepada maklumat terperingkat	Semua Seksyen	5 tahun 2021-2025 (Berterusan)	A

Objektif Strategik 2.4:**Meningkatkan kompetensi Jawatankuasa Keinstitusian (IBC)**

No.	Inisiatif	Perlaksana	Tempoh Perlaksanaan	Kuadran
31	Melaksanakan program peningkatan kapasiti untuk anggota IBC secara berterusan	Seksyen Penilaian dan Penyelidikan	5 tahun 2021-2025 (Berterusan)	A
32	Mengedarkan dan menyediakan akses kepada bahan-bahan rujukan berkaitan Akta 678, Peraturan-Peraturan dan Garis Panduan-Garis Panduan untuk kegunaan IBC	Seksyen Penilaian dan Penyelidikan	5 tahun 2021-2025 (Berterusan)	A
33	Membangunkan modul khusus bagi membolehkan urusan-urusan berkaitan IBC dibuat secara digital termasuklah pendaftaran IBC, kemaskini maklumat dan laporan tahunan	Seksyen Korporat dan Pengurusan	4 tahun 2022-2025 (Berterusan)	A
34	Pembangunan sistem online bagi penarafan kendiri IBC	Seksyen Korporat dan Pengurusan	2 tahun 2022-2023	A



BIDANG KEUTAMAAN: PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

Strategi 3: Memantapkan Keberkesanan Aktiviti Penguatkuasaan.

Objektif Strategik 3.1: **Meningkatkan kredibiliti, integriti serta profesionalisme dalam penguatkuasaan dan pendakwaan.**

No.	Inisiatif	Perlaksana	Tempoh Perlaksanaan	Kuadran
35	Menyemak semula Garis Panduan, Tatacara serta Manual Prosedur Kerja JBK yang berkaitan penguatkuasaan	Seksyen Penguatkuasaan dan Pemantauan	5 tahun 2021-2025 (Berterusan)	A
36	Melaksanakan program latihan pengukuhan kepada pegawai-pegawai Penguatkuasa secara berterusan	Seksyen Penguatkuasaan dan Pemantauan	5 tahun 2021-2025 (Berterusan)	A
37	Membangunkan Manual Prosedur Kerja JBK berkaitan penyediaan kertas siasatan dan pendakwaan	Seksyen Penguatkuasaan dan Pemantauan	1 tahun 2022	A
38	Mewujudkan satu jawatan Pegawai Undang-Undang dan pengisiannya di JBK	Seksyen Korporat dan Pengurusan	2 tahun 2022-2023	B
39	Menyediakan keperluan fasiliti dan kelengkapan penguatkuasaan untuk memastikan integriti bahan bukti dan rantai penjagaan (chain of custody) terjamin	Seksyen Korporat dan Pengurusan	2 tahun 2022-2023	A

Objektif Strategik 3.2:

Memperkuuhkan kolaborasi dengan agensi/jabatan penguatkuasaan lain.

No.	Inisiatif	Perlaksana	Tempoh Perlaksanaan	Kuadran
40	Menjalin kerjasama kukuh dengan agensi penguatkuasaan yang lain seperti MAQIS, KPDHEP, Kastam dan lain-lain agensi berkaitan secara berterusan	Seksyen Penguatkuasaan dan Pemantauan	5 tahun 2021-2025 (Berterusan)	A
41	Membangun dan mengemaskini Matrik Penguatkuasaan Biokeselamatan secara berterusan	Seksyen Penguatkuasaan dan Pemantauan	5 tahun 2021-2025 (Berterusan)	A
42	Melaksanakan program latihan dan pengukuhan bersepada untuk pegawai-pegawai penguatkuasa secara berkala	Seksyen Penguatkuasaan dan Pemantauan	5 tahun 2021-2025 (Berterusan)	A



BIDANG KEUTAMAAN: PENGURUSAN KORPORAT DAN PENTADBIRAN

Strategi 4: Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Dalam Proses Perolehan.

Objektif Strategik 4.1: **Meningkatkan keberkesanan dalam pengurusan perolehan.**

No.	Inisiatif	Perlaksana	Tempoh Perlaksanaan	Kuadran
43	Mengadakan latihan Pengurusan Perolehan secara berkala	Seksyen Korporat dan Pengurusan	5 tahun 2021-2025 (Berterusan)	A
44	Memastikan perancangan perolehan telah disediakan sebelum permulaan tahun kewangan baharu	Seksyen Penguatkuasaan dan Pemantauan	5 tahun 2021-2025 (Berterusan)	A

Objektif Strategik 4.2: **Meningkatkan ketelusan dalam pengurusan perolehan.**

No.	Inisiatif	Perlaksana	Tempoh Perlaksanaan	Kuadran
45	Menyemak dan memperkuatkukuhkan Tatacara Perolehan dan Manual Prosedur Kerja berkaitan perolehan secara berterusan	Seksyen Korporat dan Pengurusan	5 tahun 2021-2025 (Berterusan)	A
46	Menyemak dan memastikan pematuhan terma rujukan dan tatacara berkaitan pelantikan dan pelaksanaan peranan jawatankuasa-jawatankuasa berkaitan perolehan secara berterusan	Seksyen Korporat dan Pengurusan	5 tahun 2021-2025 (Berterusan)	A

No.	Inisiatif	Perlaksana	Tempoh Perlaksanaan	Kuadran
47	Melaksana kaedah silang antara Seksyen bagi Keanggotaan dalam Jawatankuasa Penilaian Teknikal/Kewangan	Semua Seksyen dan Unit	5 tahun 2021-2025 (Berterusan)	A
48	Memastikan pelaksanaan integrity pact dalam proses pertimbangan perolehan secara berterusan	Semua Seksyen dan Unit	5 tahun 2021-2025 (Berterusan)	A
49	Melaksanakan Mesyuarat Pemantauan dan pelaporan secara berkala	Seksyen Korporat dan Pengurusan	5 tahun 2021-2025 (Berterusan)	A
50	Melaksanakan mekanisme pengauditan secara berkala ke atas fungsi perolehan, kewangan dan pentadbiran.	Semua Seksyen dan Unit Integriti	5 tahun 2021-2025 (Berterusan)	A

BAB 3

TADBIR URUS BIOSAFETY
ANTI CORRUPTION PLAN

(BACP)

STRUKTUR TADBIR URUS BACP

Pelaksanaan BACP hendaklah dilaksanakan secara menyeluruh dengan melibatkan kerjasama antara pihak pengurusan tertinggi jabatan, warga Jabatan dan pemegang taruh untuk memastikan inisiatif antirasuah dilaksanakan secara cekap dan sistematik. Bagi memastikan pelaksanaannya bergerak seiring dengan Pelan Anti-rasuah Nasional, suatu Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan OACP JBK ditubuhkan berdasarkan Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018, Siri 2 No.1 Tahun 2019 – Pemantapan Governans, Integriti, dan Antirasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia.

Struktur Tadbir Urus BACP adalah seperti berikut:

JAWATANKUASA PERLAKSANAAN DAN PEMANTAUAN

Pengerusi:

- Pengarah Seksyen Penilaian dan Penyelidikan (SNP)

Keahlian:

- Pengarah Seksyen Korporat & Pengurusan (SKP)
- Pengarah Seksyen Penguatkuasaan & Pemantauan (SPP)
- Pegawai SKP
- Pegawai SNP
- Pegawai SPP

Urusetia :

- Unit Integriti

- Memantau pelaksanaan inisiatif
- Mendapatkan penjelasan daripada pihak pelaksana
- Menyediakan laporan pelaksanaan inisiatif setiap suku tahun dan laporan penuh pencapaian BACP
- Memperakukan laporan pelaksanaan inisiatif untuk dikemukakan kepada JAR Jabatan

JAWATANKUASA ANTIRASUAH JABATAN (JAR)

Pengerusi:

- Ketua Pengarah JBK

Keahlian:

- Pengarah Seksyen Penilaian dan Penyelidikan (SNP)
- Pengarah Seksyen Korporat & Pengurusan (SKP)
- Pengarah Seksyen Penguatkuasaan & Pemantauan (SPP)

Urusetia :

- Unit Integriti

- Menerima dan meneliti laporan pelaksanaan inisiatif setiap suku tahun dan laporan penuh pencapaian OACP
- Mendapatkan penjelasan daripada pelaksana pelan tindakan
- Mengesahkan dasar dan membuat keputusan
- Memperakukan isu dan membuat laporan untuk dikemukakan kepada JAR Kementerian jika perlu


JAWATANKUASA ANTIRASUAH (JAR) KEMENTERIAN

Menerima laporan prestasi pelaksanaan inisiatif setiap suku tahun dan laporan penuh pencapaian OACP daripada JBK

PERLAKSANAAN TADBIR URUS

Penyelarasan

- Melantik desk officer
- Merancang mesyuarat/program



- Membuat perbandingan pencapaian
- Memantau sasaran
- Melaporkan kemajuan prestasi warga JBK

Pernilaian

- Mengukur pencapaian integriti pegawai JBK
- Menghasilkan laporan pelaksanaan

PENYELARASAN & PEMANTAUAN

Aktiviti Penyelarasan Pelaksanaan

- Pelaksanaan ahli jawatankuasa
- Mesyuarat dwi tahunan
- Meneliti matlamat OACP
- Mencadangkan kaedah penyelesaian atau inisiatif



MEKANISMA PENILAIAN

Keutamaan penilaian merupakan amalan penting bagi memastikan setiap tindakan yang diambil telah memenuhi jangkaan dan matlamat OACP. Dalam mengenal pasti kemajuan dan prestasi pelaksanaan setiap strategi dan inisiatif, semua aktiviti akan sentiasa dipantau dan dinilai berdasarkan mekanisme berikut:

Memperkuuh kecekapan melalui penerapan nilai-nilai murni dan akauntabiliti menerusi amalan tadbir urus yang baik

Mewujudkan persekitaran kerja yang bebas rasuah bagi melahirkan warga JBK yang berintegriti

Laporan statistik salah laku pegawai dipantau dan dilaporkan dalam mesyuarat pemantauan

Senarai alternatif yang telah dilaksanakan meliputi semua bidang.


Program kesedaran berkaitan integriti, salahlaku rasuah

Pelaporan statistik berdasarkan dapatan daripada soal kaji selidik kepuasan pemegang taruh terhadap perkhidmatan JBK sepanjang tempoh pelaksanaan Pelan Tindakan dan Inisiatif OACP JBK.

MEKANISMA PENILAIAN

Laporan prestasi pelaksanaan (suku tahun) dan laporan penuh pencapaian OACP JBK akan digunakan untuk membuat penilaian sama ada aktiviti yang menyokong strategi tersebut berorientasikan matlamat JBK yang hendak dicapai. Penilaian juga bertujuan untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan setiap aktiviti. Sekiranya diperlukan, hasil penilaian ini dapat memberikan maklumbalas yang bersesuaian berdasarkan situasi apabila diperlukan. Penilaian juga berupaya untuk menanda aras aktiviti dan amalan terbaik JBK. Penilaian dan semakan semula terhadap keberkesanan OACP hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun bagi memastikan strategi dan pelan tindakan dan inisiatif yang dirangka berjaya menangani permasalahan yang timbul.

ALIRAN PELAKSANAAN PEMANTAUAN DAN PENILAIAN OACP



KEBERKESANAN TADBIR URUS OACP





BAB 4

KESIMPULAN

KESIMPULAN

Kerajaan sentiasa komited dalam meningkatkan ketelusan dan integriti dalam Sistem Pengurusan Pentadbiran. Satu pelan khusus iaitu Pelan Antirasuah Nasional (2019-2023) telah dirangka bagi menangani pemasalahan rasuah, integriti dan tadbir urus negara. Dokumen BACP ini adalah panduan dan rujukan bagi warga Jabatan Biokselamatan dalam usaha memantapkan governans, integriti dan antirasuah selaras dengan visi **Ke arah Melestarikan JBK Bebas Rasuah**

PENGHARGAAN

Penaung

Dr. Azalia binti Mohamed

Sidang Redaksi

Mustika Najwa binti Abu Hassan

Dr Norwati binti Adnan

George Wise Ajom

Maizatul Akma binti Yusof


Aimi Syazwani binti Zainuddin

SINGKATAN

BACP	Biosafety Anti Corruption Plan
JAR	Jawatankuasa Antirasuah
JBK	Jabatan Biokeselamatan
LMO	Living Modified Organisme
OACP	Organisational Anti Corruption Plan



Unit Integriti
Jabatan Biokeselamatan
Kementerian Alam Sekitar Dan Air
Tel: (603) - 80917 318
Faks: (603) - 80917 371
Laman web: <http://www.biosafety.gov.my>



Unit Integriti
Jabatan Biokeselamatan
Kementerian Alam Sekitar Dan Air
Tel: (603) - 80917 318
Faks: (603) - 80917 371
Laman web: <http://www.biosafety.gov.my>